PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|---|---|
| Newspaper | KOSMO |
| Date | 18/4/2012 |

# Dr. Mahathir jalani pembedahan kecil

Kosmo - 18/4/2012



**KUALA LUMPUR** - Tun Dr. Mahathir Mohamad (**gambar**), 87, dimasukkan ke Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (PPUKM) di sini pagi semalam bagi menjalani pembedahan kecil untuk mengeluarkan polip pada rongga hidung.

Pasukan perubatan yang diketuai Perunding Pakar Bedah Telinga, Hidung dan Tekak PPUKM, Prof. Dr. Abdullah Sani Mohamed; Perunding Pakar Bedah PPUKM, Prof. Datuk BS Gendeh; Perunding Pakar Bius PPUKM, Prof. Joanna Ooi dan Perunding Pakar Bius Institut Jantung Negara, Datuk Dr. Hassan Mohamad Ariff melakukan pembedahan selama sejam bermula pukul 9.30 pagi.

Bekas Perdana Menteri kini diletakkan di bawah pemantauan di wad biasa.

Beliau dijangka berada di hospital untuk beberapa hari akan datang.

Lawatan pada masa ini hanya dihadkan kepada anggota keluarga. - Bernama



INILAH Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia di Cheras, Kuala Lumpur, tempat Dr. Mahathir menjalani rawatan.